



PUSAT STRATEGI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-9769 6021 Fax: 03-97698972

KENYATAAN MEDIA

Penjelasan Berkaitan Bilangan Graduan Ph.D. pada Majlis Konvokesyen ke-44 Universiti Putra Malaysia (UPM)

1. Kenyataan ini adalah merujuk kepada artikel di dalam laman portal berita tempatan yang mempertikaikan bilangan graduan Ph.D. yang dihasilkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Konvokesyen ke-44. UPM ingin menegaskan bahawa kenyataan tersebut adalah **mengelirukan dan tidak tepat.**
2. **Untuk makluman, kaedah Pengajian Doktor Falsafah di UPM adalah melebihi syarat minima yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi memastikan kualiti graduan yang dihasilkan oleh UPM sentiasa dijaga dengan baik.**
3. Tempoh Pengajian Doktor Falsafah adalah dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun di mana pelajar yang mengikuti pengajian ini wajib untuk membuat penyelidikan dan mengikuti minima 12 jam kredit kursus. Selain itu, pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan dan lulus Peperiksaan Komprehensif yang dinilai oleh panel sebelum tahun ketiga bagi melayakkan mereka untuk meneruskan pengajian.
4. Pelajar juga perlu menghasilkan Tesis yang merupakan syarat wajib lulus untuk dianugerahkan Ph.D. Tesis pelajar dinilai oleh sekurang-kurangnya tiga orang penilai yang terdiri daripada seorang penilai luar (universiti luar negara seperti US, UK, Australia dan sebagainya) dan dua lagi penilai dalaman, serta perlu lulus peperiksaan *viva voce*.

5. Selain itu, Senat UPM juga menetapkan dua penerbitan jurnal berindeks (*Citation Indexed Journal*) sebagai syarat bergraduat bagi memastikan kualiti penyelidikan graduan Ph.D. yang dihasilkan.
6. UPM mempunyai kekuatan tenaga akademik berkelulusan Ph.D. seramai 1649 orang yang layak menyelia pelajar Ph.D. Ini mencerminkan kemampuan universiti dalam menghasilkan graduan Ph.D. dengan merujuk kepada amalan terbaik di peringkat antarabangsa.
7. Jumlah graduan Ph.D. yang dikeluarkan oleh UPM merupakan bilangan yang lazim dikeluarkan oleh Universiti Penyelidikan. Ini selari dengan amalan terbaik universiti terkemuka dunia di mana enrolmen pelajar Ph.D. merupakan indikator kecemerlangan sesebuah universiti. UPM sebagai salah satu Universiti Penyelidikan di Malaysia tidak ketinggalan dalam terus menyumbang meningkatkan penyelidikan dan mengeluarkan modal insan yang berilmu dan berkualiti tinggi.
8. Berkaitan dengan dakwaan penulis bahawa universiti terkemuka dunia yang hanya mengeluarkan tidak lebih daripada 20 graduan setahun. Dakwaan ini adalah tidak benar kerana berdasarkan maklumat yang diperolehi dari laman web rasmi, Massachusetts Institute of Technology (MIT) pada tahun 2020 telah mengeluarkan 563 graduan Ph.D., manakala Harvard University telah mengeluarkan 572 graduan Ph.D. Dari segi ranking dunia, MIT berada pada kedudukan pertama manakala Harvard University berada pada kedudukan kelima dalam QS World University Ranking 2022.

Rujukan:

<https://registrar.mit.edu/stats-reports/degrees-awarded/all>

<https://news.harvard.edu/gazette/story/2021/05/harvard-awards-7640-degrees-certificates-over-2020-21-academic-year/>

9. Ingin ditegaskan sekali lagi, jumlah graduan Ph.D. yang dikeluarkan oleh UPM bagi konvokesyen kali ke-44 bagi kohort pelajar 2020 merupakan hasil pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti tinggi, serta telah dinilai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi menjamin kualiti sebagai bukti pendidikan tinggi di Malaysia adalah diiktiraf dan setaraf dengan amalan di peringkat antarabangsa.

10. Sebarang kenyataan rasmi berhubung perkara ini hanya akan dikeluarkan melalui Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia.

**Pengarah,
Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor.**

19 Januari 2022

Universiti Putra Malaysia merupakan universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kecemerlangan selama 88 tahun dalam pengajian tinggi juga diiktiraf sebagai salah satu universiti penyelidikan terbaik di rantau ini dan menduduki tempat ke-143 dan ke-2 terbaik negara di QS World University 2022. Sebagai salah satu universiti terbesar dan terkemuka di Malaysia dengan reputasi kecemerlangan yang lestari dalam pengajaran dan penyelidikan, UPM sentiasa menjadi pilihan utama bagi pelajar dari seluruh dunia.

Sebagai pusat pembelajaran bertaraf dunia, Universiti Putra Malaysia menawarkan portfolio disiplin akademik yang luas bagi lebih daripada 28,000 pelajar dalam pelbagai program akademik yang telah banyak menyumbang kepada pengetahuan dan pembangunan modal insan yang berkualiti sejak tahun 1931.

Pelan Strategik UPM 2021-2025 meletakkan 5 matlamat iaitu **Matlamat 1** Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang; **Matlamat 2** Mewujudkan Hab Penyelidikan Dan Inovasi Yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari; **Matlamat 3** Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri Dan Masyarakat; **Matlamat 4** Memperkasakan Pertanian Dan Ketahanan Sekuriti Makanan; **Matlamat 5** Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan Dan Amalan Kelestarian Hijau.

Pelan Strategik UPM 2021-2025 mengangkat tema "**Seruan Al-Falah Dari Menara Ilmu**" sebagai tunjang yang menzahirkan komitmen universiti dalam konteks memartabatkan ilmu demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat seiring dengan slogan yang disematkan iaitu "**Berilmu Berbakti**"